

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 MEI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tarikan sains angkasa	Utusan Malaysia
2.	Forum Galaksi Asia Tenggara – Malaysia 2016	Utusan Malaysia
3.	ANGKASA anjur pertandingan esei	Utusan Malaysia
4.	Limpahan teknologi angkasa	Utusan Malaysia
5.	Sumbangan teknologi angkasa	Utusan Malaysia
6.	Teknologi angkasa beri sumbangan dunia perubatan	Utusan Malaysia
7.	PBAPP: Cloud seeding must go on in Penang	The Star
8.	Tropical Bioessence raih RM2.75 juta	Utusan Malaysia
9.	Rapid progress in Malaysia's biotech, bio-based industries	New Straits Times
10.	How do we stem cybercrime tide?	Malay Mail
11.	Losing the art of science	New Straits Times
12.	STEM-ming the lack of interest in these fields	New Straits Times
13.	Too few STEM students	New Straits Times
14.	Fear keeping students away from 'tough' fields	New Straits Times
15.	Glamorising science will boost numbers	New Straits Times
16.	Teachers must be STEM specialists	New Straits Times

Tarikan sains angkasa

Bidang astronomi bantu minat terhadap sains

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



BUKAN mudah mengajak golongan muda meminati sains. Apatah lagi sains sering dikaitkan dengan subjek Matematik dan Fizik yang menambah jurang minat kepada bidang tersebut.

Tidak banyak boleh dilakukan untuk meningkatkan minat golongan muda dalam bidang sains melainkan usaha berterusan dilakukan bagi membuka mata golongan tersebut mengenai seronok dan pentingnya sains.

Usaha tersebut perlu dilakukan berterusan dan menggunakan pendekatan yang mudah, santai dan menyeronokkan.

Satu daripada pendekatan tersebut adalah mempromosikan bidang sains angkasa kerana jelas terbukti ramai golongan muda cepat tertarik dalam bidang tersebut.

Seperti kata Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) **Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul**, bidang sains angkasa amat luas dan pelbagai tetapi boleh dimanfaatkan untuk menarik generasi muda antaranya teknologi satelit dan penggunaan teleskop.



DR. RAMZAH DAMBUL

"Bidang sains fundamental mampu menarik minat mereka terutama penggunaan elemen yang dekat dengan dunia mereka seperti kartun," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas melancarkan program *Night at Planetarium* dan *Earth Hour* di Planetarium Negara baru ini.

Strategi kedua adalah menentengahkan ikon yang berjaya dalam bidang sains untuk dijadikan teladan kepada generasi muda mengikuti jejak langkah mereka.

Ini kerana kata Dr. Ramzah, sejarah membuktikan bahawa golongan muda cepat teruja dengan kejayaan tokoh-tokoh tertentu dalam bidang tertentu dan mudah mempengaruhi mereka.

Sementara itu, Pengarah Planetarium Negara, **Mhd. Fairos Asillam** juga sependapat bahawa bidang sains terutama astronomi memang popular dalam kalangan masyarakat.

"Apabila ditanya apakah Kimia dan Fizik, pelajar agak sukar tetapi mereka lebih popular dengan astronomi. Ini sekali gus dapat menarik minat mereka kepada Sains Teknologi dan Matematik

Sementara itu, mengenai program *Earth Hour*, Mhd. Fairos berkata, program tersebut telah dimulakan pada 2009 bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai

EARTH Hour diwujudkan dengan tujuan memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai pencemaran cahaya.

PROGRAM Planetarium Negara mengenai pencerapan sering mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.



KERJA-KERJA mencerap sering kali terganggu jika cahaya sekitar terlalu terang.



SAMBUNGAN... UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21 TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

mengenai pentingnya rakyat negara ini menyedari masalah pencemaran cahaya yang kini semakin serius.

Katanya, pelancaran program *Earth Hour* yang dimulakan sejak 2009 itu juga bertujuan supaya orang ramai memahami masalah tersebut yang mengganggu kerja-kerja ahli astronomi.

"Jika tanpa kawalan kami di Planetarium menghadapi masalah mencerap menyebabkan balai cerap ditubuhkan di Langkawi sebagai alternatif," ujarnya.

Malah beliau berkata, kerja-kerja pencerapan kini terjejas sehingga ke satu peringkat bahawa hanya satu bintang dapat dikesan apabila pencerapan dilakukan menggunakan teleskop berbanding 10 sebelum ini.

Beliau menjelaskan, pada keamatan cahaya yang tinggi atau dalam cahaya

yang terang, kerja-kerja mencerap tidak lagi tepat kerana bintang atau objek yang dilihat di bawah teleskop kelihatan samar. "Sekarang kalau hendak buat kerja pencerapan bintang kena pergi pinggir



DR. NOORDIN AHMAD

Kuala Lumpur," ujar beliau sambil menambah jika keadaan berterusan, minat orang ramai dalam bidang astronomi akan berkurangan.

Sementara itu, menurut Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad berkata, sesuatu perlu dilakukan bagi mengawal masalah pencemaran cahaya yang melibatkan pelbagai pihak yang terlibat.

Pada peringkat awal, program kesedaran perlu dilakukan seperti yang dianjurkan oleh Planetarium Negara dan kemudian disusuli dengan pengubalan garis panduan bagi mengawal pencemaran cahaya.

"Buat masa ini kita bekerja sama beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana hal berkaitan lampu seperti lampu jalan dan iklan di bawah selian mereka, ujarnya.

Pihaknya kini sedang dalam proses mengadakan kerjasama dengan pelbagai balai cerap dan jabatan mufti bagi membentuk satu jawatankuasa dalam usaha untuk menggubal akta pencemaran cahaya.



AKTIVITI berkaitan angkasa mempunyai daya tarikannya yang tersendiri.



BARISAN tokoh yang menjadi penceramah pada Forum Galaksi Asia Tenggara di Bangi baru-baru ini.

Forum Galaksi Asia Tenggara - Malaysia 2016

APABILA menyebut tentang galaksi, sudah pasti ia berkait dengan dunia astronomi iaitu cabang sains yang melibatkan pembelajaran jasad cakerawala yang menghasilkan fenomena di luar atmosfera bumi.

Pada pertengahan Disember tahun lalu, Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) Amerika Syarikat telah menghantar kembali angkasawannya ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Kemudian pada Februari 2016, syarikat pengangkutan angkasa lepas, Space-X telah melancarkan Roket Falcon 9, tetapi malangnya ia dilaporkan meletup semasa mendarat dekat perairan San Diego.

Sementara itu, China pula sedang rancang membangunkan teleskop radio berukuran 50 m (FAST) manakala Korea Utara juga telah melancarkan satelitnya sendiri.

Kemajuan dalam bidang angkasa lepas dan perkembangan ilmu astronomi pada masa kini kian memuncak setelah banyak negara berlumba-lumba mencipta pelbagai teknologi untuk misi angkasa demi menjelajah galaksi dengan lebih jauh lagi.

Lalu, bagaimana pula perkembangan negara-negara di Asia Tenggara, khususnya Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan beberapa negara jiran lain dalam bidang astronomi.

Oleh itu, demi memberi maklumat dan pendidikan kepada umum, Pusat Sains Angkasa, Institut Perubahan Iklim (IPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama International Lunar Observatory Association (ILOA) telah mengadakan Forum Galaksi Asia Tenggara - Malaysia 2016 di UKM baru-baru ini.

Menurut Pengarah IPI UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah, Galaxy Forum ialah acara

awam percuma yang diadakan sebagai penyelesaian yang fleksibel dan responsif untuk memajukan Pendidikan Galaksi Abad ke-21.

"Sebelum ini, Galaxy Forum telah diadakan di Hawaii, Silicon Valley, Kanada, China, India, Asia Tenggara, Jepun, Eropah, Afrika, Chile, Brazil, Kansas dan New York.

"Forum kali ini telah menyasarkan pendidik yang terdiri daripada guru-guru dalam bidang Sains Fizik dan setera, pensyarah muda, pelajar universiti awam (UA) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama berkongsi ilmu pengetahuan dalam bidang ini," katanya.

Katanya, seramai enam orang penceramah jemputan telah berkongsi pengalaman mereka dalam bidang astronomi dan kajian angkasa lepas dalam forum galaksi tersebut.

Ketua Pusat Sains Angkasa IPI, UKM, Prof. Ir. Dr. Madina Abdullah yang merupakan salah seorang penceramah dalam forum tersebut telah berkongsi berkenaan latar belakang institut tersebut.

Antara yang dikongsikan dalam forum tersebut adalah peranan mereka dalam penyelidikan dan pengajaran pada peringkat pascasiswazah yang dilaksanakan Pusat Sains Angkasa dalam beberapa bidang.

"Sebagai sebuah pusat penyelidikan multidisiplin, kami melakukan penyelidikan dalam bidang sains angkasa yang meliputi astronomi, astrofizik, astrobiologi, kimia angkasa, geologi dan sains angkasa.

"Dari segi perkembangan teknologi angkasa, kami juga menjalankan reka bentuk dan pemasangan sistem bagi komunikasi, kawalan dan pemanduan roket serta kapal angkasa selain membangunkan aplikasi teknologi



STEVE DURST membentangkan kertas kerja dalam Forum Galaksi Asia Tenggara 2016 di Bangi baru-baru ini.

angkasa yang meliputi bidang kaji cuaca, pengurusan alam sekitar, pengurusan bencana alam dan penggunaan tanah," katanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan dan Pendidikan Sains Angkasa, Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mhd. Fairos Asillam turut berkongsi mengenai latar belakang agensi tersebut selain perkembangan terkini bidang astronomi dan angkasa negara serta perkhidmatan yang disediakan di Planetarium Negara.

"Angkasa merupakan sebuah agensi yang diberi mandat oleh kerajaan untuk membangunkan sektor angkasa negara. Melalui Dasar Angkasa Negara, agensi telah merancang untuk membangunkan keupayaan dan kapasiti negara bagi membolehkannya mendapat manfaat dan pulangan daripada sektor angkasa ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Antara program penting Angkasa termasuklah antaranya pembinaan infrastruktur berkaitan pengoperasian sistem angkasa.

"Infrastruktur tersebut antaranya seperti stesen bumi bagi menjalankan penjejakan, kawalan dan telemetri satelit, makmal kalibrasi optik, makmal pengujian dan pengukuran serta kemudahan asas lain yang berkaitan," jelasnya.

Dalam pada itu, wakil dari ILOA, Steve Durst, telah berkongsi misi dan perkembangan terbaharu program yang dilaksanakan oleh pertubuhannya.

Menurutnya, misi yang sedang dijalankan oleh pihaknya ialah misi ILO-X bersama-sama rakan pintarnya iaitu Moon Express.

"Selain itu kami juga akan meneruskan lagi dengan program Galaxy Forum untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat di seluruh dunia mengenai ilmu sains angkasa," katanya.



MHD. FAIROS ASILLAM

Angkasa anjur pertandingan esei

Terbuka kepada sekolah rendah dan menengah,
tawar hadiah lumayan

AGENSI Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan sebuah program baru iaitu Pertandingan Esei *Cassini Scientist for a Day*.

Menurut kenyataan Angkasa, pertandingan tersebut merupakan sebuah program pendidikan sains angkasa yang melibatkan penulisan esei saintifik oleh pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

Cassini Scientist for a Day merupakan sebuah pertandingan esei peringkat antarabangsa yang pada asalnya dianjurkan oleh *Jet Propulsion Laboratory, California Institute of Technology* di bawah Pentadbiran Angkasa dan Aeronautik Kebangsaan (NASA) Amerika Syarikat (AS) semenjak tahun 2013.

"Pertandingan ini menyediakan satu peluang unik kepada pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh dunia untuk menjadi saintis NASA bagi kajian planet Zuhul (*Saturn*), kata kenyataan tersebut.

Secara asasnya, peserta akan diberikan tiga gambar yang diambil oleh kapal angkasa *Cassini* untuk tujuan penyelidikan sains angkasa.

Peserta perlu memilih salah satu gambar yang difikirkan akan memberikan keputusan saintifik yang terbaik.

Pilihan peserta harus disokong dengan penjelasan dan penerangan saintifik dalam bentuk penulisan esei.

Topik esei setiap tahun adalah berbeza. Topik esei bagi sesi 2015-2016

adalah berhubung kait dengan planet Zuhul (*Saturn*) khususnya lingkaran cincin di sekeliling planet Zuhul, sistem bulannya yang dinamik seperti *Rhea* and *Teth*.

Selain pelajar di Amerika Syarikat, pertandingan esei *Cassini Scientist for a Day* juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar dari seluruh dunia, antaranya Brazil, Kanada, India, Itali, Maghribi, Pakistan, Romania, Singapura, Turki dan Venezuela serta juga dari negara rantau Eropah.

Untuk kali pertama, Malaysia akan mengambil bahagian dalam pertandingan ini bagi sesi 2015 dan 2016 dan akan bermula dari peringkat kebangsaan dalam negara.

Program itu bukan satu pertandingan semata-mata tetapi guru-guru sekolah digalakkan untuk menjadikan penulisan esei itu supaya dimanfaatkan dalam mata pelajaran Sains atau Bahasa Inggeris di kelas sekolah.

Pertandingan akan melibatkan dua jenis pembelajaran iaitu pembelajaran berasaskan inkuiri (*inquiry-based learning*) dan pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*).

Oleh demikian, adalah diharapkan pertandingan berbentuk saintifik seperti ini dapat menyokong proses pembelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) di sekolah terutama dalam bidang sains angkasa dalam kalangan generasi muda dalam negara.

Pertandingan esei *Cassini Scientist*

for a Day akan ditutup pada hari Isnin, 3 Jun 2016.

Pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara dialu-alukan menyertai pertandingan melalui guru sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut berkenaan program

ini boleh dirujuk kepada laman sesawang Angkasa iaitu <http://www.angkasa.gov.my>.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jong Tze Kian di talian 03-22734303 atau e-mel tkjong@angkasa.gov.my.

Pertandingan esei menawarkan hadiah mengikut kategori berikut :

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

Kategori	Pemenang	Jumlah (RM)
Esei Terbaik	Seorang	RM500
Esei Khas	Seorang	RM300
Sagu hati	Tiga orang	RM200

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

Kategori	Pemenang	Jumlah (RM)
Esei Terbaik	Seorang	RM600
Esei Khas	Seorang	RM400
Sagu hati	Tiga orang	RM200

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

Oleh MOHD. ZAMRI
SHAH MASTOR

SELEPAS menikmati tayangan wayang gambar bertajuk *London Has Fallen* di sebuah pangung wayang di Mid Valley, Kuala Lumpur, Aziz meninggalkan pusat beli-belah yang terkenal tersebut dengan menaiki kereta dengan berbandukan aplikasi Waze yang terdapat dalam telefon pintar miliknya.

Aplikasi Waze memberi arahan "three hundred meters ahead turn left to Jalan Maarof" dalam slanga bahasa Inggeris Amerika sebagai panduan kepada Aziz untuk melalui jalan yang kurang sesak pada waktu itu untuk ke arah utara Kuala Lumpur dan seterusnya menuju ke Damansara.

Aziz singgah sebentar di sebuah stesen minyak di Bangsar untuk mengisi petrol untuk kendaraannya menggunakan transaksi kad kredit melalui slot kad kredit di kiosk minyak tersebut dan dalam beberapa saat, transaksi pembelian disahkan oleh bank dan pengisian minyak dibenarkan.

Setibanya di rumah, Aziz membuka saluran TV berbayar untuk menyaksikan siaran langsung perlawanan bola sepak Inggeris, Chelsea melawan Manchester United dengan kesudahan seri dua sama.

Sketsa yang dinyatakan itu menunjukkan bahawa kehidupan seharian kita pada hari ini sangat dipengaruhi dan dibantu oleh teknologi angkasa. Apabila Aziz menggunakan aplikasi Waze, dia dapat melihat kedudukan keretanya di jalan raya yang sedang menuju ke Bangsar dan bagaimana aplikasi tersebut boleh memberitahunya bahawa keretanya sedang berada di jalan tertentu menuju ke Bangsar? Kedudukan kenderaan Aziz sebenarnya telah diberitahu oleh satelit Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) yang kemudiannya maklumat tersebut telah dimasukkan ke dalam perisian aplikasi Waze untuk memberitahu kedudukan kenderaan setiap pengguna aplikasi berkenaan.

Apabila Aziz membuat transaksi kad kredit di kiosk stesen minyak, kiosk tersebut telah mendapatkan pengesahan daripada bank yang mengendali kad kredit Aziz terlebih dahulu sebelum pengisian minyak dibenarkan.

Bank yang menguruskan kad kredit Aziz mungkin berada beribu-ribu kilometer (km) daripada kiosk minyak tersebut dan bagaimanakah pengesahan boleh diperolehi daripada bank dalam tempoh hanya beberapa saat sahaja? Sekiranya anda sedar, di hampir setiap stesen minyak di Malaysia, dapat diperhatikan terdapatnya cakera penerima satelit yang rupanya seakan-akan cakera satelit Astro tetapi saiznya beberapa kali lebih besar dan terletak di bahagian atas bumbung stesen minyak.

Cakera penerima satelit tersebut telah menghantar maklumat kad kredit Aziz ke bank yang menguruskan kad kreditnya melalui satelit komunikasi dan seterusnya menghubungkan bank untuk pengesahan oleh komputer di bank berkenaan. Tempoh di antara Aziz memasukkan kad kredit ke dalam slot sehingga pengesahan oleh



PAKAIAN angkasa lepas menggunakan fabrik khas yang kalis api.

Sumbangan teknologi angkasa

Pelbagai peralatan dan inovasi hari ini diinspirasi dari teknologi angkasa



MESIN pengeluaran wang automatik (ATM) yang dipasang pada stesen minyak menggunakan teknologi satelit (VSat).

komputer bank hanya mengambil masa beberapa saat sahaja! Sungguh mudah! Siaran TV berbayar seperti Astro juga menggunakan teknologi angkasa iaitu menggunakan satelit komunikasi sama seperti transaksi kad kredit Aziz di stesen minyak tadi. Siaran langsung Chelsea melawan Manchester United telah dipancarkan oleh satelit dari luar negara dan diterima oleh stesen penerima satelit Astro di Bukit Jalil. Kemudiannya siaran langsung tersebut dipancarkan ke satelit



ANTARA makanan yang bawa oleh angkasawan negara semasa di ISS.

Measat yang terletak 36,000 km di atas garisan Khatulistiwa dan dipancarkan kembali ke cakera penerima satelit di rumah pelanggan Astro bagi menikmati siaran langsung perlawanan bola tersebut. Contoh yang telah dinyatakan tadi adalah merupakan aplikasi secara langsung teknologi angkasa dalam kehidupan seharian kita. Sebenarnya terdapat banyak lagi limpahan daripada

aplikasi teknologi angkasa secara tidak langsung yang secara tidak disadari telah kita gunakan dalam kehidupan seharian. Kita mungkin tidak sedar pada pembungkus produk makanan yang kita beli di pasar raya terdapat logo pengiktirafan HACCP (Hazard Analysis and Critical Control Points).

Produk makanan yang telah mendapat pengiktirafan HACCP telah disediakan dengan teliti dan disahkan tidak mengandungi bahan yang tercemar dan membahayakan. HACCP sebenarnya merupakan suatu prosedur penyediaan makanan yang telah digunakan untuk menyediakan makanan angkasawan yang bakal menjalankan misi penerokaan ke angkasa lepas.

Agensi Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA) menghadapi dua masalah dalam menyediakan makanan untuk angkasawan semasa di bawah program Apollo, Mercury dan Gemini. Ia bagi memastikan bahawa makanan yang di bawa ke angkasa lepas tidak akan bertaburan lalu menyelilap masuk dan merosakkan peralatan-peralatan sensitif

SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 7

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

Teknologi angkasa beri sumbangan dunia perubatan

TEKNOLOGI pam jantung
yang inspirasikan daripada
pembinaan enjin roket.

SEKIRANYA kita pernah terlihat pendakap gigi (braces) pendakap itu sebenarnya merupakan seramik lutsinar yang telah terhasil daripada teknologi angkasa. Seramik lutsinar tersebut telah dihasilkan oleh sebuah syarikat sebagai pelindung bagi antena pengesanan misil (roket) yang mengekori sasarannya berpandukan kepada haba yang dikeluarkan oleh objek sasarannya.

Sumbangan yang lebih besar teknologi angkasa dalam bidang perubatan adalah terhadap penyakit yang berkaitan dengan jantung manusia. Antara masalah berkaitan jantung yang dihadapi oleh manusia adalah kadar degupan jantung yang tidak stabil, tidak sekata atau menjadi lemah kerana faktor yang mempengaruhi jantung.

Inovasi NASA telah membantu pesakit yang mempunyai masalah tersebut menerusi ciptaan *cardiac pacemaker* atau perentak degupan jantung itu. Sistem tersebut sebenarnya telah mengaplikasikan teknologi komunikasi kawalan satelit ketika satelit berada di dalam orbitnya.

Pacemaker merupakan suatu alat penghasil denyutan isyarat elektrik bersaiz 3 sentimeter (sm) x 3 sm x 1 sm yang boleh ditanam di bahagian dada pesakit menerusi pembedahan. Isyarat elektrik yang dihantar akan membetulkan kadar degupan jantung pesakit dan terdapat alat kawalan yang boleh melaras kadar degupan.

Proses tersebut menyerupai seorang jurutera yang sedang mengawal pergerakan dan aktiviti sebuah satelit yang sedang berada di dalam orbitnya. Kadar degupan jantung pesakit boleh dilaraskan menggunakan peralatan kawalan melalui pengaturcaraan yang bersesuaian dan pelarasan tersebut dapat dilakukan tanpa memerlukan pakar membuat sebarang pembedahan semula jantung.

Sekali lagi inovasi teknologi angkasa NASA telah berjaya membina 'jejantas' yang dapat menyambung semula kehidupan pesakit jantung sementara menunggu pembedahan penggantian jantung baharunya.

NASA juga telah mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ke atas aliran cecair di dalam enjin roket yang melancarkan manusia ke Bulan. Proses tersebut menghasilkan pam jantung atau *cardiac pump* yang membolehkan jantung dapat berfungsi seperti biasa sementara menunggu tarikh pembedahan.

Pam mengambil alih fungsi jantung yang telah rosak dengan mengempam darah ke seluruh badan pesakit untuk beliau terus hidup sementara menunggu jantung baharu daripada penderma.

Sehingga kini lebih sejuta orang telah mendapat manfaat daripada teknologi pam jantung yang asalnya merupakan



PENDAKAP GIGI

teknologi untuk pembinaan enjin roket bagi menerbangkan manusia ke angkasa lepas.

Bagi pesakit kencing manis, saintis telah mencipta alat bagi merembeskan insulin ke dalam darah di dalam badan pesakit. Ia bertujuan untuk mencairkan kandungan gula berlebihan yang terdapat di dalam darah pesakit menggunakan alat pam insulin.

Pam tersebut yang boleh diprogramkan akan mengempam insulin ke bahagian bawah kulit perut pesakit untuk mengawal kandungan gula di dalam darahnya mengikut masa yang telah diprogramkan tanpa perlu melalui proses suntikan berulang-ulang seperti sebelum ini.

Teknologi pam insulin ini sebenarnya telah diadaptasi daripada kapal pendarat Mars Viking untuk menyuntik bahan kultur ke dalam tanah permukaan planet Marikh pada tahun 1976.

Terdapat pelbagai lagi limpahan daripada aplikasi teknologi angkasa sama ada kita sedari atau tidak. Ia sebenarnya telah diadaptasi dan sedang kita gunakan dalam menjalani kehidupan kita seharian.

Bagaimanapun, terdapat juga beberapa perkara yang seringkali telah disalah anggap sebagai hasil daripada teknologi angkasa lepas yang telah diadaptasi dalam kehidupan kita tetapi perkara sebenarnya bukanlah sedemikian.

Antaranya perkara tersebut termasuklah peralatan tanpa wayar seperti pemutar skru tanpa wayar. Pemutar skru tanpa wayar sebenarnya telah direka oleh Black & Decker pada tahun 1961 tetapi telah dipopularkan penggunaannya dalam kalangan angkasawan semasa melakukan aktiviti pembaikan di angkasa lepas.

Peralatan pengimbas badan pesakit *Magnetic Resonance Imaging (MRI)* bukanlah dihasilkan oleh teknologi angkasa lepas tetapi, kontraktor Jet Propulsion Laboratory (JPL) yang telah membangunkan perisian pemrosesan imej digital yang telah digunakan di dalam peralatan tersebut.

Serbuk minuman *Tang* pula sebenarnya telah dicipta oleh syarikat General Foods pada tahun 1957 tetapi telah dipopularkan sebagai minuman angkasawan semasa di peringkat awal misi angkasawan mengelilingi bumi. Velcro pula telah dicipta oleh syarikat dari Switzerland pada tahun 1940-an tetapi menjadi terkenal kerana telah digunakan oleh angkasawan dalam misi-misi Apollo untuk melekatkan peralatan-peralatan semasa di dalam sekitaran mikrograviti.


Di sebalik usaha dan perbelanjaan yang begitu besar yang telah dilakukan untuk menghantar misi penerokaan ke angkasa lepas, mungkin ada yang bertanya, "apakah kaitan di antara pelancaran roket ke angkasa lepas dengan kehidupan manusia di permukaan bumi?"

Oleh itu, masyarakat perlu memahami kepentingan teknologi angkasa kerana sumbangannya amat besar kepada kehidupan manusia.

Mereka juga sepatutnya terus menyokong usaha bagi menerokai angkasa lepas dan alam semesta yang terbentang luas.

PENULIS ialah Pegawai Sains di Agensi Angkasa Negara (Angkasa)

CONTOH alat
mengempam
insulin.



di dalam kapal angkasa dan. Selain itu ia juga bagi memastikan makanan yang dibawa tidak mengakibatkan penyakit akibat bakteria dan bahan toksin yang terdapat di dalam makanan tersebut.

Masalah pertama dapat diatasi dengan mudah tetapi masalah kedua tidak sebegitu mudah untuk diselesaikan.

Akhirnya, bagi masalah kedua mereka dapati bahawa penyelesaiannya adalah dengan mewujudkan prosedur untuk mengawal keseluruhan proses penghasilan makanan angkasawan agar tidak terdapat bakteria atau toksin yang boleh membahayakan kesihatan. Prosedur tersebut jugalah yang kini telah diaplikasikan dalam proses penghasilan makanan harian untuk keselamatan dan kesihatan manusia di bumi.

Ada yang bertanya, apakah yang boleh kita peroleh dengan melancarkan roket dan manusia ke bulan dan menghantar prob angkasa ke planet Marikh? Semasa program latihan Apollo 1 kira-kira 50 tahun yang lalu, tiga orang angkasawan telah terbunuh kerana kebakaran *command module* kapal angkasa tersebut.

Sejak peristiwa tersebut, saintis mencari jalan untuk meningkatkan aspek keselamatan angkasawan termasuklah mencipta pakaian angkasawan yang diperbuat daripada nilon pada ketika itu daripada terbakar sekiranya terkena api.

Saintis akhirnya telah mencipta fabrik yang disaluti dengan PTFE atau juga dikenali sebagai teflon yang tidak terbakar dan akan hanya cair pada suhu 650 darjah Fahrenheit atau 343 darjah Celsius.

Bagaimanapun, pakaian angkasawan pada hari ini sudah tidak lagi menggunakan teflon tetapi menggunakan gabungan Gore-Tex, Kevlar dan Nomex yang dikenali sebagai ortho-fabric.

Namun, fabrik disaluti Teflon terdahulu atau yang juga dikenali sebagai membran gentian kaca teflon kini amat terkenal dalam bidang seni bina bangunan. Antaranya termasuklah bumbung bangunan moden seperti Stadium Putra di Bukit Jalil, khemah jemaah haji di Arafah, Arab Saudi dan banyak lagi bangunan dan stadium.

Menggunakan bumbung fabrik yang biasanya berwarna putih atau cerah adalah merupakan hasil daripada teknologi keselamatan angkasawan daripada mengalami kebakaran semasa program Apollo 1 dahulu.

PBAPP: Cloud seeding must go on in Penang

GEORGE TOWN: The water situation in Penang is still not safe as the level at the dams has not reached 60% even with the recent cloud seeding operations.

Penang Water Supply Corporation Sdn Bhd (PBAPP) chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said that cloud seeding should continue until the effects of El Nino taper off at the end of June.

"Both the Teluk Bahang and Air Itam dams must reach the 60% mark. Right now, it's hovering at around 50%," he said when commenting on the recent cloud seeding operation which was successfully carried out on Friday in the northern states.

He said the water levels at the Muda and Beris dams in Kedah were presently around 30%.

A statement on the portal of the Science, Technology and Innovation Ministry revealed that cloud seeding had brought rain to the Timah Tasoh dam in Perlis, the Beris and Ahning dams in Kedah and the Teluk Bahang and Air Itam dams in Penang.

"The Federal Government should not let up on the cloud seeding operations as the dry weather is expected to continue throughout June," said Jaseni.

He added that if cloud seeding was stopped now, the level in all the dams would drop and it could create a major issue early next year even if it rained after June.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BIZ) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 23 MEI 2016 (ISNIN)

Tropical Bioessence raih RM2.75 juta

Oleh **DIANA AZIZ**

ekonomi@utusan.com.my

SEREMBAN 22 Mei - Tropical Bioessence Sdn.Bhd mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 25 peratus setakat lima bulan pertama tahun ini sejak menyertai program BioNext di bawah kelolaan BiotechCorp dan SME Corp Malaysia.

Pengarah Urusannya, Mohd. Khairil Said berkata, pendapatan syarikat berstatus bionexus itu meningkat kepada RM2.75 juta, berbanding RM2.25 juta dalam tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan pendapatan tersebut adalah sumbangan daripada jualan produk Sutra dan pada tahun ini, kita menyasarkan pendapatan hasil jualan produk berkenaan meningkat lebih daripada RM3.5 juta.

"Sasaran tersebut turut disokong dengan penambahan beberapa outlet kedai konsep Sutra Shoppe, pelancaran produk baharu serta peningkatan sumbangan daripada pasaran eksport," katanya selepas Majlis Perasmian Sutra Shoppe yang pertama di negara ini di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut **Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal** dan **Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Hafsah Hashim**.

Sementara itu, menurut Mohd. Nazlee, Tropical Bioessence merupakan antara 10 syarikat yang dibimbing di bawah pro-



MOHD. KHAIRIL SAID (kanan) memberi penerangan mengenai produk kepada **Hafsah Hashim** (kiri), **Dr. Mohd. Nazlee Kamal** (dua dari kanan) dan **Badrul Hisham Badruddin** pada majlis perasmian Sutra Shoppe di Seremban, baru-baru ini.

gram BioNext untuk menjadi sebuah syarikat bertaraf antarabangsa.

Katanya, pada program yang bermula pada 2015, kesemua syarikat mendapat sokongan BiotechCorp dalam usaha mengembang dan memperkukuh perniagaan melalui program-program bertaraf dunia seperti Bioeconomy Accelerator Programme yang dijalankan bersama Institut Larta dari Amerika Syarikat (AS).

Program BioNext melibatkan organisasi pengkomersialan teknologi daripada Universiti Oxford dengan kerjasama SME

Corp Malaysia dan BDEC Resources Malaysia Sdn. Bhd.

"Program-program tersebut membantu merangsang pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana berstatus BioNexus dan kita turut merancang untuk mewujudkan sebanyak 20 buah syarikat berasaskan bioglobal menjelang 2020.

